

Interaksi Watak dalam *Andai Itu Takdirnya*: Analisis Prinsip Kerjasama Grice

*Character's Interaction in Andai Itu Takdirnya:
An Analysis of Grice's Cooperative Principle*

NURUL ATIQA NOR AZMAN*, MOHAMMAD FADZELI JAAFAR &
SHARIFAH RAIHAN SYED JAAFAR

Received: 24-3-2025/Accepted: 20-12-2025

ABSTRAK

Komunikasi yang berkesan terhasil daripada kerjasama interaksi dua individu semasa berbual. Setiap penutur mengandaikan lawan tutur mereka akan menghasilkan ujaran yang bermakna untuk mencapai tujuan komunikasi. Dalam novel, pengarang memanfaatkan watak untuk berkomunikasi supaya menyerupai perbualan sebenar dan difahami dengan baik oleh pembaca. Kajian prinsip kerjasama terdahulu menumpukan kepada jenis pelanggaran dan tujuan pelanggaran maksim sahaja. Oleh itu, kajian ini dijalankan bermatlamat bukan sahaja untuk mengenal pasti jenis-jenis pelanggaran maksim tetapi turut membincangkan fungsi dan kesan pelanggaran maksim dalam teks kesusasteraan Melayu. Kajian ini menggunakan kaedah persampelan bertujuan dengan menumpukan pada satu bab sahaja yang melibatkan semua ujaran watak. Novel *Andai Itu Takdirnya* oleh Siti Rosmizah Ismail digunakan sebagai data kajian. Terdapat 44 ujaran daripada 7 watak akan dianalisis berdasarkan Prinsip Kerjasama Grice (1975). Hasil kajian ini mendapati bahawa maksim kualiti dan maksim perkaitan ialah dua maksim yang banyak dikesan berlaku dalam ujaran berbentuk interogatif. Pengarang menggunakan lakuan bahasa pertanyaan untuk mewujudkan konflik antara watak sekaligus kesan emosi dirasai pembaca apabila pelanggaran maksim berlaku. Kajian ini juga menemukan pengarang menggunakan klausa pelapor berpenanda untuk meningkatkan kesan dramatik dengan menggunakan leksikal seperti pekik, tengking, raung, dan rintih dalam laporan ujaran. Kajian ini telah menyumbang kepada kajian gaya pengarang dalam membina interaksi watak dalam teks sastera dari sudut stilistik.

Kata kunci: Prinsip kerjasama, *Andai Itu Takdirnya*, maksim, ujaran, Stilistik

ABSTRACT

Effective communication results from the interaction of two individuals during a conversation. Each speaker assumes their speech partner will produce meaningful utterance to achieve the purpose of communication. In a novel, the author exploits character to communicate as it resembles a real conversation and is easily understood by the reader. The previous research focused on types of violation and the purpose only. Therefore, this research was conducted not only to identify the types of maxim violation but also discusses the function and effect of the violation of maxims in Malay literary texts. This research utilized purposeful sampling methods by focusing on only one chapter that involved all character's utterance. *Andai Itu Takdirnya* by Siti Rosmizah Ismail is used as research data. There are 44 utterances from 7 characters that will be analyzed based on Grice's Principle of Cooperation (1975). The results found that maxims of quality and maxims of relations are the two dominants' maxims detected in character's interaction in interogative's utterance. The author employs interrogative speech act to create conflict between characters, thereby stimulating emotional effects to reader when violations of maxim occur. This study also reveals that marked reporting clauses are used to enhance the dramatic effect by using lexical such as pekik, tengking, raung and rintih in utterance. This study has contributed to the style of author in constructing character's interaction in literary texts in the view of stylistics.

Keywords: cooperative principle, *Andai Itu Takdirnya*, maxims, utterance, stylistics

PENGENALAN

Komunikasi dalam kehidupan seharian manusia, asasnya melibatkan dua individu yang berhubung sebagai penutur dan pendengar. Untuk mencapai matlamat itu, manusia menggunakan bahasa (Kanasya & Bram, 2022). Bahasa membantu manusia untuk menyampaikan maklumat, begitu juga dengan pengarang karya sastera yang menggunakan bahasa untuk membentuk teks. Teks ialah komunikasi yang dianggap sebagai perhubungan fizikal antara pengarang dan pembaca (Leech & Short, 1981). Dalam teks, pengarang menggunakan watak untuk berkomunikasi atau berdialog (Mohammad Fadzeli Jaafar, 2016). Watak ialah individu yang berada dalam teks untuk menggerakkan teks berdasarkan dialog dan aksinya (Safian Hussain et al., 2022). Dialog-dialog yang diujar oleh watak lazimnya dibina dalam bentuk ujaran langsung, iaitu ujaran yang memetik kata-kata sebenar watak tanpa menggunakan kata-kata pengarang selain bentuk ujaran yang lain (Wales, 1989). Ujaran sebegini dikatakan sebagai ujaran yang mirip dengan realiti dan bersifat mesra pembaca.

Menurut Asmah Hj.Omar (2015), dialog novel menggambarkan bahasa orang berbual, seolah-olah mengajuk keadaan yang memang berlaku. Umumnya, novel menggambarkan kehidupan sosial yang pasti wujudnya konflik (Fransiska et al., 2023). Pertuturan watak yang dibina oleh pengarang dalam novel mengandungi bahasa yang mengandungi implikatur. Implikatur biasanya terjadi dalam interaksi watak atau dialog antara watak utama di dalam novel (Putri & Simatupang, 2022; Qordawi, 2022). Pengarang memanfaatkan dialog-dialog watak terutama dalam lakuan bahasa pertanyaan yang mudah terjadinya perselisihan sama ada secara sengaja dan tidak sengaja, penutur akan menghasilkan ujaran yang berimplikatur. Menurut Alsalloom (2022) dan Ciftlikli & Demirel (2022), ujaran implikatur digunakan dalam dialog bertujuan untuk mencapai sesuatu daripada lawan tutur (tujuan peribadi) dan untuk mengekalkan hubungan yang positif antara penutur dan lawan tutur supaya komunikasi berjalan lancar dan mengelakkan salah faham. Pelanggaran maksim boleh bertujuan untuk menghasilkan komunikasi yang cenderung kepada konflik atau bebas konflik. Pastinya, pelanggaran maksim dalam dialog novel memberi kesan kepada pembaca yang membaca, menikmati dan menginterpretasikan sesebuah karya.

Analisis stilistik ialah sub-bidang linguistik yang mementingkan kesan iaitu penilaian kepada unsur bahasa (maklumat linguistik) yang digunakan oleh pengarang yang kemudiannya diinterpretasi untuk menjawab mengapa dan bagaimana pengarang memanfaatkan unsur bahasa tersebut. Kesan itu diperoleh daripada pendapat yang adil dan saintifik berdasarkan data yang boleh diukur dan kaedah yang sesuai (Saputra & Abida, 2021). Kaedah yang tidak terlalu tegar membantu pengkaji stilistik menjelaskan gaya bahasa pengarang dengan memanfaatkan teori linguistik yang bersesuaian berdasarkan data kajian. Penganalisisan stilistik meliputi tahap terkecil bahasa, iaitu bunyi sehingga peringkat wacana dan pragmatik iaitu meliputi cara kata-kata dan ayat yang digunakan dalam situasi harian dan juga makna bahasa dalam konteks. Pengkaji stilistik akan memilih unsur bahasa yang signifikan seperti dinyatakan Short (1996:356) "*only to present findings which are significant*" sebagai bukti konkrit kepada gaya pengarang tersebut.

Dalam kajian ini, bukti konkrit yang dianalisis secara terperinci ialah komunikasi watak dalam dialog yang menumpukan kepada pematuhan dan pelanggaran maksim berdasarkan kerangka Grice (1975). Kerangka ini telah dimanfaatkan oleh ramai pengkaji bahasa yang berhasrat untuk menjelaskan norma perbualan dalam data kajian mereka. Berdasarkan kerangka ini, kajian akan mengenal pasti segmen yang mematuhi dan mengeksploitasi maksim perbualan dalam novel *Andai Itu Takdirnya*. Seterusnya, akan dibincangkan juga fungsi dan kesan

penggunaan strategi tertentu pengarang dalam menghasilkan komunikasi watak dalam data kajian tersebut. Kajian ini berusaha untuk menunjukkan maklumat linguistik yang dimanfaatkan pengarang dalam interaksi watak (dialog) dengan bantuan teori linguistik yang dapat menyerlahkan gaya bahasa pengarang dalam teks kajian ini.

SOROTAN LITERATUR

Sarjana bahasa memanfaatkan pendekatan Grice (1975) dengan meluas untuk menganalisis interaksi watak dalam data kajian pilihan mereka. Misalnya, ada sarjana yang mengkaji interaksi watak dalam filem seperti kajian Fatimah Mohd Yunan & Jamilah Rosly (2021) yang menjadikan Filem *Madu Tiga* (1964) sebagai data kajian. Hasil kajiannya menemukan 30 jenis pelanggaran maksim yang meliputi keempat-empat maksim yang digariskan oleh Grice dalam pendekatannya iaitu, maksim kualiti, maksim kuantiti, maksim relevan dan maksim cara. Kajian ini menyatakan pelanggaran maksim yang dilakukan bertujuan untuk menyampaikan sesuatu secara berlapis supaya perhubungan terpelihara contohnya data kajian menunjukkan watak utama filem, Jamil berusaha menjaga hubungannya dengan isteri pertama dan bapa mentuanya dengan mengujarkan maklumat yang benar, tidak berkait dan melebihi-lebih melalui pelanggaran maksim kualiti, maksim cara, maksim kuantiti dan maksim relevan. Selain itu, kajian ini juga menemukan bahawa setiap ujaran disampaikan mempunyai makna yang berbeza daripada ujaran disampaikan.

Kemudian, kajian lain yang juga memanfaatkan data filem ialah kajian Norhidayu Hassan et, al. (2020) yang menggunakan data Filem *Dayang Senandong* (1965) untuk mengenal pasti dan mengkategorikan ujaran yang melanggar prinsip kerjasama dikemukakan Grice (1975). Kajian ini menemukan 16 jenis pelanggaran maksim yang berlaku dalam komunikasi watak dalam filem ini iaitu hanya melibatkan tiga maksim, maksim kuantiti, maksim cara dan maksim kualiti. Kajian ini menyatakan pelanggaran maksim dalam perbualan watak-watak terutama melibatkan raja dan golongan bawahan berfungsi untuk menjaga hati dan perasaan untuk mengelakkan kerungsingan dan kebimbangan pendengar tentang isu tertentu. Kajian ini membuktikan bahawa masyarakat Melayu dalam filem gemar mengujarkan ujaran berimplikatur untuk dengan tujuan yang pelbagai misalnya menyindir, menjaga hati dan hubungan, memberi nasihat, menyatakan perasaan dan juga mengkritik. Tambahan daripada kajian Fatimah & Jamilah (2021) kajian ini juga menerapkan Teori Relevans (1986) untuk menerangkan konteks ujaran berimplikatur dan pemahaman pendengar daripada pelanggaran maksim yang berlaku. Kedua-dua kajian yang dinyatakan di atas memperlihatkan dialog dalam filem yang terbina melanggar maksim tertentu dengan tujuan misalnya untuk menjaga hubungan antara penutur dan pendengar. Pelanggaran maksim yang terjadi dianggap diterima dan difahami antara penutur dan pendengar dalam interaksi mereka.

Seterusnya, kajian lain yang berkaitan komunikasi watak secara lisan telah dikaji oleh Xu.G (2022) dalam sitkom popular *Friends*. Dapatan kajian menunjukkan maksim yang dominan dieksploitasi dalam data kajian ini ialah maksim kualiti dengan menggunakan ujaran yang menokok tambah, ujaran metafora, ujaran hiperbola dan miosis. Keempat-empat maksim juga dilanggar bertujuan untuk menghasilkan ujaran bersifat jenaka. Dalam kajian ini membuktikan penulis menghasilkan skrip dengan melanggar maksim kualiti misalnya dalam ujaran soal-jawab antara watak seperti menggunakan perumpamaan yang difahami oleh penonton atau pendengar sitkom. Kajian ini menarik kerana memperlihatkan pelanggaran maksim yang dibuktikan dalam sitkom ini juga selari dengan norma komunikasi harian manusia yang menghasilkan ujaran jenaka dalam interaksi harian bertujuan untuk mengeratkan hubungan.

Selain menggunakan data lisan untuk mengkaji komunikasi watak, pengkaji bahasa juga menggunakan data tulisan dalam pelbagai bahan kajian misalnya puisi, cerpen dan novel. Kajian Rahayu Dwi (2022) menganalisis puisi bertajuk *Jabberwocky* yang ditulis oleh Lewis Carroll. Puisi yang dipetik daripada novel ini dimanfaatkan kerana mengandungi perbualan tersirat antara watak yang dikatakan wajar menggunakan kerangka Grice (1975) untuk menganalisis perbualan tersebut. Pengkaji menerangkan baris demi baris yang merangkumi tujuh rangkap untuk mengenal pasti maksim kerjasama yang dilanggar oleh pengarang puisi. Kajian ini menemukan maksim kualiti paling banyak dieksploitasi kerana pengarang menggunakan leksikal atau ayat yang tidak jelas dan taksa melalui penggunaan metafora dan hiperbola. Maksim perkaitan juga gagal dipatuhi apabila terdapat rangkap yang tidak berhubung dengan rangka sebelum dan selepasnya. Analisis maksim kerjasama dalam puisi ini memaparkan makna sebenar dalam puisi perlu dianalisis berdasarkan konteks dan pembaca harus memahami makna tersirat yang terkandung dalam setiap baris.

Novel ialah medium tulisan yang banyak dimanfaatkan sebagai data kajian untuk menganalisis interaksi watak kerana sifatnya yang kaya dengan dialog. Kajian Fransiska et, al. (2023) antara kajian terkini yang menyelidik prinsip kerjasama dalam novel *Negeri 5 Menara* oleh Ahmad Fuadi. Kajian ini yang juga menerapkan kerangka Grice (1975) menemukan 84 kekerapan pelanggaran maksim yang memperlihatkan eksploitasi maksim kuantiti paling dominan berbanding maksim- maksim yang lain. Pelanggaran maksim-maksim tersebut berlaku dalam ujaran interogatif sama ada oleh penutur atau pendengar. Kesemua pelanggaran maksim dalam novel tersebut diterangkan mempunyai tujuan tertentu oleh pengujarnya misalnya untuk mempertahankan diri daripada dimarahi dengan memberi alasan yang tidak berkaitan dengan soalan pengujar.

Kajian lain yang menganalisis pelanggaran maksim berdasarkan kerangka Grice ialah kajian Chen Z. & Tian X. (2021). Kedua-dua pengkaji ini menggunakan novel *The Reference* oleh Donal Barthelme. Chen Z. & Tian X. menyatakan pengarang menggunakan pelanggaran maksim untuk mendedahkan imej atau perwatakan watak kepada pembaca. Dapatan kajian membuktikan bahawa pelanggaran maksim kualiti dan maksim kuantiti membentuk perwatakan kawan kepada McPartland (watak utama) sebagai seorang yang tidak boleh dipercayai dan diharap manakala eksploitasi maksim perkaitan dan maksim cara memperlihatkan watak tersebut seorang yang buta huruf dengan kelas sosial yang rendah. Kajian ini mengenal pasti dan mengkategorikan pelanggaran maksim serta secara berpada menjelaskan fungsi pelanggaran maksim kepada perwatakan watak.

Kajian Lei, W. (2022) mengkaji novel *Lady Chatterly* dan mendapati pelanggan maksim yang wujud dalam novel tersebut menyerlahkan personaliti watak. Kajian ini membuktikan analisis pelanggaran maksim yang diwujudkan telah menyerlahkan niat tersembunyi watak. Kajian Zhang, Y. (2024) juga menegaskan pelanggaran maksim bukan sahaja mewujudkan kesan dramatik tetapi menyerlahkan sifat, emosi dan konflik antara watak. Kajian Zhang, Y. turut menemukan pelanggaran maksim dalam dialog novel *Pride and Prejudice* telah mewujudkan kesan humor. Seterusnya, kajian Rasheed (2025) menyatakan pelanggaran dan pematuhan maksim dalam novel menggambarkan hubungan emosi antara watak dan dinamik sesuatu perhubungan. Kajian ini yang menganalisis dialog antara dua watak dalam novel *The Old Man and The Sea* menyatakan analisis prinsip kerjasama dalam dialog teks sastera bukan sahaja meneliti pertukaran maklumat antara dua watak tetapi memahami hubungan antara dua watak yang melibatkan emosi.

Kajian terdahulu memberi gambaran bahawa pelanggaran maksim dalam teks lisan mahupun tulisan berlaku disebabkan tujuan-tujuan yang disengajakan oleh pengarang. Kajian

lepas hanya mengenal pasti dan mengkategorikan pelanggaran maksim berdasarkan kerangka Grice dan membincangkan fungsi pelanggaran maksim tersebut misalnya untuk memelihara hubungan dan menjaga hati lawan tutur. Oleh itu, dalam kajian ini, pengkaji bukan sahaja mengenal pasti dan mengkategorikan serta menjelaskan fungsi pelanggaran maksim tetapi pengkaji akan menerangkan kesan pelanggaran maksim kepada pembaca. Analisis stilistik mementingkan kesan unsur bahasa yang dimanfaatkan pengarang kepada pembaca seperti dinyatakan oleh Jeffries L. dan McIntyre D (2010) bahawa analisis stilistik berkaitan bagaimana pembaca membina makna dan mengapa pembaca bertindak balas terhadap teks seperti mana mereka bertindak balas. Ringkasnya, kesan itu sama ada melibatkan kesan romantik, tragis dan perasaan lain yang dirasakan pembaca melalui penggunaan bahasa yang dimanfaatkan pengarang. Kajian ini berpendapat penghuraian kesan pelanggaran maksim dan unsur bahasa lain yang menjadi penanda kepada pelanggaran maksim mempunyai kepentingan stilistik yang harus diperjelas bukan sahaja fungsi atau sebab pemilihannya tetapi juga kesannya terhadap teks dan pembaca.

METODOLOGI KAJIAN

DATA KAJIAN

Data kajian ini dipilih daripada pengarang prolifik, Siti Rosmizah Ismail, *Andai Itu Takdirnya* yang diterbitkan pada tahun 2005. Novel ini terdiri daripada 583 muka surat dan 58 bab. Pengkaji memilih 1 bab sahaja sebagai data kajian iaitu bab 15 yang terdiri daripada 10 halaman. Kajian ini menggunakan teknik persampelan bertujuan yang dimanfaatkan dalam kajian kualitatif dan diaplikasikan dalam pengenalpastian dan pemilihan data yang banyak (Creswell, 2007). Novel ini dipilih salah satunya kerana faktor penjualannya yang telah melebihi 100,000-unit percetakan sejak tahun terbitan yang meletakkan novel *Andai Itu Takdirnya* sebagai novel *popular* dan *best-seller* (Sinar Harian 2023). Selain itu, novel ini dipilih kerana kemampuan dan kecemerlangan pengarang, Siti Rosmizah Ismail yang telah menerima beberapa anugerah seperti anugerah Buku Pilihan Pembaca – Popular *Berita Harian* (2009) kategori fiksi Melayu dan Anugerah Buku Negara (2017) yang melayakkan beliau menerima pengiktirafan pengarang *best-seller* dan pengarang pilihan pembaca. Kemantapan plot yang menceritakan realiti kehidupan perkahwinan sehingga pembaca memberi ulasan yang tinggi dalam laman Goodreads.com antara faktor lain novel ini dipilih.

Kajian ini telah memilih bab 15 dalam novel *Andai Itu Takdirnya*, iaitu bab klimaks dalam teks ini. Bab tersebut merupakan bab yang mengandungi salah satu plot penting, iaitu mengisahkan penganaiyaan mental dan fizikal diterima oleh watak utama, Nur Aleya yang mengandungi daripada suaminya, Syed Aizril. Walaupun kajian ini hanya memilih satu bab sahaja, tetapi tidak bersifat selektif. Pengkaji menganalisis keseluruhan perbualan yang melibatkan semua watak dalam data kajian. Hal ini menunjukkan data bahasa yang dianalisis adalah luas dan mencukupi untuk menunjukkan gaya perbualan watak.

PROSEDUR PENGUMPULAN DATA

Kajian ini menumpukan kepada perbualan yang terkandung dalam bab 15, iaitu merujuk pada dialog yang diujarkan watak. Menurut Safian Hussin et al., (2022), dialog ialah perbualan atau percakapan antara watak-watak dalam karya sastera yang bertujuan mengerakkan aksi dan dibina bersesuaian dengan watak penutur, kedudukan sosial dan kepentingan utama mereka. Dalam bab 15, terdapat tujuh watak yang berkomunikasi dan berikut merupakan pecahan bilangan ujaran mengikut watak:

JADUAL 2. Bilangan Ujaran mengikut Watak

Watak	Bilangan Ujaran
Syed Aizril	9
Nur Aleya	8
Puan Sri Sharifah Aishah	11
Sharifah Emilin	8
Umairah	5
Ikram	1
Bibik	2
Jumlah	44

Jadual 2 menunjukkan terdapat 44 ujaran keseluruhan yang terdapat dalam bab 15. Puan Sri Sharifah Aishah, ibu kepada Syed Aizril, menunjukkan bilangan ujaran tertinggi, iaitu 11 ujaran dan diikuti oleh Syed Aizril, 9 ujaran. Bilangan ujaran ini diperoleh daripada empat segmen yang berbeza. Segmen merujuk subcerita yang merujuk rangkaian peristiwa untuk membentuk satu cerita (A.Samad Said, 1987). Kajian ini membahagikan keseluruhan plot kepada sub-cerita untuk memudahkan pengkaji untuk mengenal pasti setiap ujaran watak yang mengandungi pelanggaran dan pematuhan maksim serta meneliti setiap pelanggaran itu berdasarkan kerangka Grice iaitu sama ada maksim kuantiti, maksim kualiti, maksim perkaitan dan maksim cara yang tidak dipatuhi dalam ujaran tersebut.

Dalam bab 15 ini, terdapat empat subcerita yang membentuk klimaks novel ini dan keempat-empat subcerita diakhiri dengan perasaan yang mencetuskan emosi negatif kepada pembaca misalnya dalam segmen;

- (1) “Cepatlah apa yang kau tercegat lagi kat situ. Aku nak kau berambus dari sini sebelum Zril balik. Aku tak nak dia jumpa kau, nanti jadi macam-macam hal pulak.”

Contoh (3) diungkapkan oleh Puan Sri Sharifah Aisyah kepada menantunya, Nur Aleya yang datang ke rumah untuk mengambil semula barang-barang peribadinya yang ditinggalkan selepas peristiwa hitam ditiduri suaminya tanpa kerelaan Aleya. Pengarang mula menimbulkan emosi-emosi marah, sedih dalam diri pembaca daripada awal bab 15 dengan komunikasi antara Aleya dan ibu mentuanya.

Berdasarkan kerangka Grice, maksim yang dominan akan dikenal pasti serta kajian ini juga membincangkan strategi pengarang dalam memilih unsur bahasa tertentu untuk menjayakan pelanggaran maksim menurut konteks yang sesuai dengan cerita. Strategi pengarang melibatkan analisis fungsi dan kesan pematuhan dan pelanggaran maksim dalam teks. Kajian interaksi watak dalam novel *Andai Itu Takdirnya* ini dilakukan berdasarkan analisis stilistik. Stilistik ialah kajian yang mementingkan gaya, iaitu unsur bahasa yang digunakan pengarang dalam karya sastera

dianalisis daripada aspek linguistik yang menjadi penunjuk gaya (Leech & Short, 1981; Verdonk, 2002)

KERANGKA KAJIAN

Kajian ini menerapkan kerangka Prinsip Kerjasama (PK) yang diperkenalkan oleh Grice (1975), iaitu, untuk sesuatu perbualan berjaya, pengucap dan pendengar perlu bekerjasama (Carter R. et al., 1997). Maksudnya, kita mengandaikan lawan tutur memahami maksud ujaran dan menghasilkan komunikasi bertujuan dan bermakna. Sara Beden & Indirawati Zahid (2017) menyatakan empat maksim yang digariskan dalam Prinsip Kerjasama Grice (1975) mengawal perbualan agar wujud kerjasama untuk melancarkan komunikasi. Jadual 1 merupakan ringkasan kepada keempat-empat maksim:

JADUAL 1. Prinsip Kerjasama Grice (1975)

Maksim	Huraian
1- Maksim kuantiti	- Nyatakan maklumat yang cukup
2- Maksim kualiti	- Nyatakan maklumat yang benar
3- Maksim perkaitan	- Nyatakan maklumat yang relevan
4- Maksim cara	- Nyatakan maklumat yang jelas

Keempat-empat maksim ini digariskan oleh Grice untuk memastikan mesej perbualan disampaikan dan difahami pada tahap tertinggi oleh pengucap dan pendengar (Canli, 2021). Maksim kuantiti bermaksud semasa berkomunikasi, penutur memberi sumbangan yang tidak terlalu banyak, atau terlalu sedikit sehingga mengganggu pemahaman pendengar. Penutur haruslah memberikan sumbangan yang secukupnya (mengikut tujuan semasa) seperti yang diharapkan oleh pendengar (Jeffries & McIntyre D. 2010). Penutur tidak perlu menyatakan sesuatu yang hanya dirasakan berguna untuknya tetapi sebaliknya untuk pendengar (Noojomizadeh, 2022).

Kemudian, bagi maksim kualiti, penutur menyatakan sesuatu yang telah terbukti kesahihannya berdasarkan bukti yang nyata dan cukup. Pengujar digalakkan untuk tidak menyampaikan maklumat yang diragui kebenarannya (Li, 2017). Maksudnya, pendengar berhak mengetahui mesej yang benar sahaja daripada perbualan. Wales (1989) menyatakan bahawa maksim kualiti "*concerns truthfulness*" dan kita seharusnya tidak berbohong apabila berbicara.

Maksim relevan pula menegaskan bahawa maklumat perbualan haruslah relevan. Maksudnya, penutur menyampaikan maklumat yang berkaitan dan berhubungan dengan tujuan komunikasi semasa (Norhidayu Hasan et al., 2020). Megah & Wahyuni (2018) menyatakan penutur tidak harus menyimpang daripada topik perbualan dan kekal dalam perbualan sehingga tujuan komunikasi tercapai.

Selanjutnya, maksim cara menjelaskan bahawa sesuatu yang disampaikan tidak kabur daripada pemilihan perkataan dan ayat, serta mengelakkan ketaksaan (Mohammad Fadzeli Jaafar, 2015). Kejelasan dalam berkomunikasi diutamakan dalam maksim ini selain daripada menyatakan sesuatu secara ringkas dan mengelakkan penambahan perkataan atau ayat yang panjang dan meleret tanpa keperluan. Maksim cara juga memerlukan penutur melontarkan ujaran mengikut urutan perbualan misalnya ketika perbualan melibatkan soalan-jawapan. Grice (1991) menyatakan maksim ini mengutamakan sesuatu yang diperkatakan itu diucapkan dengan cara yang baik dan diterima.

Maksimum kuantiti, maksimum kualiti, maksimum perkaitan dan maksimum cara secara ringkasnya memberi panduan kepada penutur untuk memenuhi objektif maklumat dan memastikan komunikasi yang berkesan. Grice (1975) menyatakan bahawa “*participants in a conversation would be expected to make contributions as is required, at the stage at which it occurs, by the accepted purpose or direction of the talk exchange in which they are engaged*”. Dalam erti kata lain, peserta komunikasi iaitu, pendengar dan penutur sama-sama menyumbang seperti yang diperlukan bagi mencapai tujuan komunikasi yang berlangsung pada ketika itu. Lihat contoh di bawah yang dipetik daripada Thomas J. (1995:64);

- (2) Husband: Where are the car keys?
Wife: They’re on the table in the hall.

Contoh (1) di atas menunjukkan isterinya mematuhi keempat-empat maksimum seperti yang berikut;

- i- maksimum kualiti, iaitu menjawab dengan jujur dan memberi maklumat yang benar lokasi kunci kereta yang ditanya oleh suaminya,
- ii- maksimum kuantiti, iaitu memberikan maklumat yang secukupnya kepada suaminya,
- iii- maksimum relevan, iaitu isterinya telah secara langsung menjawab matlamat suaminya ketika bertanya soalan, dan,
- iv- maksimum cara, iaitu isterinya menjawab dengan jelas soalan suaminya tanpa memberi maklumat tambahan yang tidak penting

Pematuhan maksimum kerjasama ialah langkah yang berkesan untuk mengurangkan implikatur perbualan (Chen Z. & Tian. X., 2021). Walau bagaimanapun, dalam sesuatu perbualan, pelanggaran maksimum oleh penutur dan pendengar secara sengaja atau tidak sengaja boleh berlaku. Hal ini dinyatakan oleh Grice (1975:49) bahawa “*a participant in talk exchange may fail to fulfill a maxim in various ways*”. Kenyataan itu bermaksud peserta dalam perbualan boleh gagal mematuhi maksimum dalam pelbagai cara, misalnya apabila penutur tidak boleh berkomunikasi dengan jelas atau mereka sengaja memilih untuk berbohong. Contohnya dalam petikan di bawah daripada kajian Mohammad Fadzeli Jaafar (2022:105);

- (3) “Semalam tiga jam dia bom,” kata Giap Hong sambil memeluk anaknya baru enam bulan. Isterinya yang kurus, berbungkus dengan selimut hijau muda, memandang suaminya dengan mata yang khuatir saja. “Ini hari tak tahu berapa lama,” tambahnya.
“Lama juga pun dia orang tak ada rasa,” sampuk Kuldip Singh. Anaknya, Ranjit Singh, sedang bermain tepuk tangan dengan Menon, dan ketawa terkikih-kikih. “Ini budak-budak pun tak ada rasa,” tambahnya sambil memial paha anaknya.

Pelanggaran maksimum dapat dilihat pada ujaran Kuldip Singh kerana seharusnya Kuldip Singh menyatakan jangkaan waktu pengeboman pada hari berikutnya atau maklumat tentang pengeboman sahaja. Ujaran Kuldip Singh telah melanggar maksimum kuantiti dan maksimum perkaitan kerana maklumat yang disampaikan tidak cukup dan tidak berkaitan dengan maklumat yang

diharapkan oleh lawan tuturnya, Giap Hong. Perbualan ini akan mencapai matlamat sekiranya Kuldip Singh menyatakan tekaannya tentang tempoh masa pengeboman pada hari tersebut.

Ujaran implikatur terjadi apabila pelanggaran maksim berlaku, iaitu ujaran yang mengandungi makna yang berbeza atau melangkaui makna ujaran yang digunakan (Haugh, 2002). Implikatur boleh digunakan untuk mengujarkan maksud sebenar penutur yang tidak selari dengan apa diujarkan (Herman, 2022). Pendengar perlu memproses makna tersirat pengujar berdasarkan konteks ujaran. Dalam perbualan harian, ujaran implikatur digunakan untuk tujuan tertentu seperti, menyatakan kritikan, memberi nasihat dan juga berfungsi untuk menjaga hati pendengar (Norhidayu Hassan et al., 2020).

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Kajian ini mendapati pelanggaran maksim berlaku apabila wujudnya lakuan bahasa pertanyaan iaitu ketika satu watak mengujarkan pertanyaan untuk mendapatkan kepastian dan kebenaran tentang sesuatu. Mohammad Fadzeli Jaafar (2015) menyatakan jawapan yang diberikan oleh watak tertentu tidak menjawab soalan secara langsung dan perlu ditafsir secara berbeza. Misalnya dalam segmen pertama apabila ibu mentua Aleya, Puan Sri Sharifah Aishah bertanya sama ada jawapan Aleya tentang tujuan kehadirannya untuk mengambil barang peribadi sahaja boleh dipercayai atau tidak. Lihat ujaran perbualan dalam contoh (4) di bawah:

- (4) “Boleh percaya ke?” soal Puan Sri Sharifah Aishah dengan nada curiga.
“Kalau tak, Puan Sri suruh aje bibik ambilkan barang-barang saya, saya tunggu kat sini.” Beria-ia Aleya cuba menyakinkan Puan Sri Sharifah Aishah.

Maksim kuantiti dilanggar oleh Aleya apabila seharusnya persoalan ibu mentuanya boleh diyakinkan dengan menjawab secara ringkas atau menegaskan kembali tujuan kehadirannya ke rumah tersebut. Dapatan ini juga selari dengan kajian Norhidayu Hasaan et al. (2020) dan Nurfatimah Mohd Yunos & Nurul Jamilah Rosly (2021) yang mendapati maksim kuantiti dieksplotasi ketika ujaran berjenis interogatif dimanfaatkan pengarang. Kedua-dua kajian ini menyokong penemuan kajian yang memperlihatkan lawan tutur menjawab soalan dengan jawapan yang terlebih informatif. Dalam contoh (4), eksploitasi maksim kuantiti ini dilakukan dengan sengaja oleh Nur Aleya. Nur Aleya juga mengeksploitasi maksim perkaitan iaitu jawapannya tidak berkait dengan soal kepercayaan. Walau bagaimanapun, jawapan Nur Aleya memberi tafsiran bahawa sekiranya Puan Sri Sharifah mencurigai kehadiran dan tidak dipercayai dirinya, Nur Aleya meminta bantuan bibik untuk mengambil barang peribadinya. Segmen pertama ini merupakan permulaan awal kepada kesan emosi dan konflik yang dibina oleh pengarang. Hal ini disebabkan dalam segmen pertama ini berlaku banyak ujaran pertanyaan serta ujaran berbentuk hinaan, tuduhan yang dilemparkan oleh ibu mentua Aleya kepadanya.

Eksploitasi maksim seperti maksim kualiti berlaku dalam segmen kedua iaitu semasa kepulauan Syed Aizril, suami Nur Aleya bersama sepupunya yang juga kekasihnya, Sharifah Emilin secara tiba tiba sebelum Aleya sempat keluar dari rumah. Pelanggaran maksim dalam segmen kedua telah menimbulkan konflik dan menyebabkan tercetusnya pergaduhan mulut dan penganiayaan fizikal terhadap Nur Aleya. Apabila terserempak dengan susuk tubuh seorang

wanita, Sharifah Emilin berusaha untuk mengingatkan Nur Aleya. Perhatikan contoh rangkaian perbualan (5) berikut:

- (5) “Siapa perempuan ni?”
“Lin, mari masuk. Buat apa berdiri kat muka pintu tu,” ramah suara Puan Sri Sharifah Aishah mempelawa Sharifah Emilin masuk ke dalam rumah.
“Siapa perempuan ni?” Sharifah Emilin masih tidak puas hati bila soalnya tadi belum dijawab.
“Dia ... dia ... bekas orang gaji kami.” Puan Sri Sharifah Aishah cepat-cepat bersuara.

Dalam contoh (5), eksploitasi maksim kualiti dan maksim perkaitan jelas dilanggar oleh Puan Sri Sharifah Aishah dalam kedua-dua jawapan yang diutarakannya untuk menjawab soalan Sharifah Emilin. Keengganan Puan Sri Sharifah Aishah untuk mendedahkan identiti Nur Aleya dapat dilihat apabila jawapan pertama mengelak pertanyaan itu dengan menjemput Sharifah Emilin ke dalam rumah sekaligus melanggar maksim perkaitan, iaitu maklumat yang tidak berhubung dengan soalan Sharifah Emilin manakala jawapan kedua, maksim kualiti dieksploitasi apabila maklumat disampaikan secara terang menipu identiti Nur Aleya dengan menyatakan menantunya sebagai bekas orang gaji. Kajian Chen, Z. & Tian, X. (2021) menyatakan percanggahan jawapan dalam maksim kualiti bertujuan untuk mengaburi niat sebenar penutur malah kajian Lei, W (2022) juga menemukan maksim kualiti dieksploitasi dengan tujuan mengelakkan konflik. Dalam kajian ini, jawapan diujarkan berfungsi untuk mengelak maklumat sebenar diketahui lawan tutur. Namun, pelanggaran maksim kualiti dalam kajian ini telah diragui oleh lawan tutur dan dikuatkan lagi dengan pernyataan Sharifah Emilin bahawa Nur Aleya tidak kelihatan seperti orang gaji dan berusaha mengingatkan sosok tubuh itu. Buktinya dalam ujaran di bawah;

- (6) “Dia tidak seperti orang gaji. Macam pernah jumpalah tapi tak ingat kat mana.”

Ujaran (6) merupakan maklum balas Sharifah Emilin kepada pertanyaan ibu saudaranya, Puan Sri Sharifah Aishah bahawa perempuan dilihat Sharifah Emilin ialah orang gajinya. Ujaran tersebut memperlihatkan pelanggaran maksim cara yang jelas iaitu apabila Sharifah Emilin sendiri ragu-ragu akan maklumat yang diujarkan iaitu sama ada dia pernah berjumpa dengan Nur Aleya dan tentang identiti Nur Aleya. Dalam segmen kedua ini, Puan Sri Sharifah Aishah dan Syed Aizril sedaya upaya cuba menyembunyikan identiti Nur Aleya kerana tidak mahu Sharifah Emilin, iaitu tunang Syed Aizril berasa tidak senang akan kehadirannya dan juga memastikan kandungan Nur Aleya tidak menjadi persoalan kepada Sharifah Emilin. Contohnya, Syed Aizril tidak mengesahkan atau menafikan kenyataan emaknya atau keraguan Sharifah Emilin tentang identiti Nur Aleya. Contohnya;

- (7) “Jom sayang, I tunjukkan cincin nikah kita. I baru beli semalam dengan mama.”

Dalam ujaran (7) ini secara terangan, Syed Aizril melanggar maksim kuantiti iaitu Syed Aizril tidak menyampaikan maklumat yang cukup dan perlu kepada Sharifah Emilin. Untuk memastikan perbualan ini mencapai tujuan komunikasi, sepatutnya Syed Aizril menjawab soalan Sharifah Emilin dengan jelas dan benar sahaja dan menamatkan pertanyaan berterusan Sharifah Emilin. Selain itu, eksploitasi maksim perkaitan juga berlaku apabila ujaran Syed Aizril berkaitan cincin nikahnya dengan Sharifah Emilin tidak berkait dan koherens dengan topik perbualan pada ketika itu.

Ketekalan usaha Sharifah Emilin untuk mengingatkan perempuan yang dilihatnya ternyata berhasil apabila dia akhirnya dapat menyebut nama isteri Syed Aizril, iaitu Nur Aleya. Pelanggaran maksim masih berlaku dalam ujaran terakhir segmen kedua apabila Sharifah Emilin tidak menyahut ajakan Syed Aizril untuk melihat cincin mereka tetapi berterusan membincangkan topik yang sama tentang identiti Nur Aleya. Yang berikut ialah petikan ujaran terakhir dalam segmen kedua.

- (8) “Nanti! I rasa I tahu siapa you? You, Aleya kan. No wonder I tak kenal. You dah pakai tudung” ujar Sharifah Emlin sambil memandang Aleya dari atas ke bawah.
- (9) “Anak siapa yang you kandung tu?” Keras suaranya bertanya.
“Anak I,” tegas Aleya menjawab.

Sharifah Emilin melanggar prinsip kerjasama secara ketara dalam ujaran (8) apabila ujarannya tidak berkaitan dan relevan dengan ajakan Syed Aizril dalam ujaran (7). Dalam ujaran (8), pengarang mengesahkan ketidakpastian Sharifah Emilin tentang identiti Nur Aleya dari awal segmen kedua kerana perubahan pemakaian Nur Aleya. Komunikasi Syed Aizril, Puan Sri Sharifah Aishah dan Sharifah Emilin dalam segmen kedua ini memperlihatkan pelanggaran maksim perkaitan dan maksim kualiti paling banyak dilakukan apabila tujuan komunikasi tidak dapat dicapai lebih awal apabila maklumat disampaikan palsu dan tidak berhubung antara soalan dan jawapan.

Selanjutnya, maklumat tambahan “*sambil memandang Aleya dari atas ke bawah*” dalam ujaran (8) membawa makna tersirat bahawa Sharifah Emilin sedang melihat perubahan fizikal Aleya yang membawa kepada ujaran pertanyaan pertama dalam segmen ketiga di bawah;

Rangkaian ujaran (9) ini dapat dilihat Aleya mematuhi maksim kerjasama, iaitu keempat-empat maksim dengan menyatakan maklumat yang perlu dan cukup (maksim kuantiti), maklumat yang sahih (maksim kualiti), maklumat yang berkait dengan persoalan (maksim perkaitan) dan jelas difahami oleh lawan tutur (maksim cara). Sesi soal-jawab ini mencapai tujuan perbualan bagi pihak Aleya kerana Aleya berusaha untuk menyembunyikan identiti bapa kepada kandungannya walaupun Sharifah Emilin mempunyai tujuan berbeza ketika soalan ini diajukan. Jelas, perbualan seterusnya antara mereka telah mengesahkan analisis bahawa Sharifah Emilin memaksudkan sebaliknya dan juga jawapan diberi Nur Aleya bersebab. Dapatan ini selari dengan penemuan kajian Rasheed (2025) yang menyatakan pelanggaran dan pematuhan maksim menggambarkan dinamik perhubungan. Dalam contoh (9), jelas perhubungan antara kedua-dua watak ini tidak baik apabila Aleya mengetahui bahawa adalah lebih baik disembunyikan jawapan sebenar daripada Sharifah Emilin. Hal ini disebabkan dari awal perkenalan, hubungan mereka dingin dan konflik cinta menguatkan alasan Aleya. Kemudian, pengarang menggunakan leksikal *tegas* dan *keras*

dalam klausa pelapor untuk menunjukkan komunikasi pada ketika itu yang membicarakan topik yang serius dan akhirnya mencetuskan konflik. Perhatikan perbualan di bawah;

- (10) “Memanglah anak you tapi siapa bapaknya?” Sharifah Emilin inginkan kepastian.
“Yang penting dia anak I. Siapa bapaknya, dah tak penting lagi.”

Pengetahuan Sharifah Emilin tentang perkahwinan Syed Aizril dan Nur Aleya mencetuskan rasa ingin tahunya tentang bapa kepada kandungan itu kerana Sharifah Emilin mengetahui status perkahwinan mereka yang tidak diresmikan keluarga dan Nur Aleya telah lama menghilangkan diri dari rumah keluarga Syed Aizril. Seperti yang dibincangkan lebih awal, Sharifah Emilin mempunyai tujuan lain bertanyakan soalan itu berbanding dengan Nur Aleya yang mengelak untuk menjawab pertanyaan itu untuk mencapai tujuan yang sama. Dalam jawapan ujaran (10), memperlihatkan Nur Aleya tidak mahu bekerjasama dalam perbualan ini dengan melanggar maksim kuantiti, iaitu tidak menjawab dengan tepat soalan Sharifah Emilin serta maksim cara, iaitu menimbulkan lebih banyak tafsiran dan andaian daripada jawapannya.

Jawapan Nur Aleya merupakan permulaan kepada bibit konflik apabila Syed Aizril yang mendengar jawapan Nur Aleya telah menyampuk perbualan antara dua wanita ini dengan mengujarkan ujaran berikut:

- (11) “Dahlah sayang. Jangan layan perempuan ni. You sendiri tahu dia macam mana. Orang macam ni memang senang nak mengandung tapi dia sendiri tidak tahu siapa bapa anak yang dikandungnya, maklumkah perempuan murah.”
“Lin, you kenal suami I kan? Jadi, pasti you dah ada jawapannya. Hmm ... okey. Kahwin je terus dapat anak instant. *By the way, doctor* kata, I mungkin akan dapat bertuanak kembar. Okeylah tu, you buy one, you free two.” Aleya menghabiskan kata-katanya dengan senyuman yang dibuat-buat.

Jelas, Syed Aizril telah melanggar maksim kuantiti, iaitu mengujarkan maklumat yang palsu tentang peribadi Nur Aleya dan pada masa yang sama melanggar maksim kualiti, iaitu menyembunyikan kebenaran dan menuduh Nur Aleya walaupun dia mengetahui tentang kandungan isterinya, Nur Aleya. Selain itu, Syed Aizril juga melanggar maksim perkaitan dan maksim cara kerana maklumat yang disampaikan tidak langsung berkaitan tentang identiti bapa kepada kandungan serta menyampaikan maklumat yang meleret-leret. Kemudian, ujaran Nur Aleya dalam contoh (11) terang-terangan melanggar maksim kuantiti, iaitu menambah maklumat yang tidak diperlukan dalam situasi tegang ini bertujuan untuk menyakitkan hati Sharifah Emilin dan suaminya, Syed Aizril. Walaupun Nur Aleya memang mengandungkan anak kembar, namun pada ketika perbualan ini berlangsung, Nur Aleya tidak mengetahui tentang fakta tersebut. Oleh itu, Nur Aleya juga melanggar maksim kualiti, iaitu menyampaikan maklumat yang palsu pada waktu itu dan perkara ini disahkan dalam bab seterusnya iaitu dalam naratif dibina pengarang yang menyatakan “*Aleya tidak sangka kata-kata rekannya pada Sharifah Emilin tempoh hari yang dia mengandung anak kembar menjadi kenyataan*”. Maksim perkaitan dan maksim cara juga dieksploitasi dalam perbualan ini apabila seharusnya untuk menjayakan perbualan ini, Nur Aleya

hanya perlu menafikan tuduhan suaminya dan menyatakan kebenaran tentang identiti bapa kepada kandungannya.

Selanjutnya, dalam segmen ketiga ini juga menyaksikan Nur Aleya menerima penganiayaan fizikal daripada suaminya apabila jawapannya telah menyebabkan Sharifah Emilin memarahi Syed Aizril dan juga menyebabkan Syed Aizril berang kerana egonya dan rahsianya yang cuba disembunyikan (meniduri isterinya tanpa kerelaan Aleya). Lihat ujaran-ujaran di bawah;

- (12) “Ni semua you punya pasal!” tengking Syed Aizril terus menangkap tudung Aleya dari arah belakang.
- (13) “You cakap kat Lin sekarang bahawa anak yang ada dalam perut you ni bukan anak I, cakap?” marah Syed Aizril, seperti orang hilang akal lagaknya.
- (14) “Zril takkan puas hati mama selagi dia tak nak mengaku kat Lin yang ini bukan anak Zril,” ujar Syed Aizril.
- (15) “Cakap!!!” pekik Syed Aizril.

Keempat-empat ujaran Syed Aizril ini diungkapkan selepas Aleya menjawab tohmahan Syed Aizril dalam contoh (11) dan juga ujaran-ujaran Syed Aizril pada ketika ini hanya dicelah oleh ibunya sahaja tanpa jawapan atau sahutan daripada Nur Aleya. Pelanggaran maksim dikenal pasti hadir apabila Syed Aizril menunjukkan emosi marah dan sikap barannya yang memperlihatkan Syed Aizril melanggar maksim kualiti, apabila masih menyuruh Aleya menidakkan bahawa anak itu bukan anaknya walaupun dia sendiri mengetahui hakikat bahawa isterinya mengandung dalam bab terdahulu iaitu bab 14 melalui perbualannya dengan sahabat baiknya, Ikram.

Selain itu, pelanggaran maksim cara juga ternyata dilakukan oleh Syed Aizril apabila dia tidak menunggu jawapan untuk Nur Aleya menjelaskan atau mempertahankan diri. Untuk memastikan maksim kerjasama ini dipatuhi dan perbualan lancar, Syed Aizril seharusnya menunggu aturan soal-jawab supaya komunikasi itu mencapai tujuannya dan dia juga mendapat pengakuan mahupun penjelasan daripada Nur Aleya. Penanda leksikal seperti *tengking*, *marah*, *pekik* dalam contoh (12, 13 dan 15) telah meningkatkan kesan emosi akibat pelanggaran maksim dalam segmen ketiga ini. Kajian ini mendapati klausa pelapor yang digunakan dalam ujaran telah membantu untuk meninggalkan kesan emosi marah dan sedih kepada pembaca.

Klausa pelapor menurut Toolan (1998) ialah klausa yang membekalkan maklumat siapa yang bertutur dan siapa yang berfikir. Dalam data kajian ini, pengarang cenderung menggunakan ujaran berbentuk bebas, iaitu ujaran yang tidak mempunyai klausa pelapor. Hal ini disebabkan bab ini menceritakan konflik yang memerlukan pengarang mewujudkan kesan dramatik yang jelas dan pantas. Malah, gaya ini membuktikan pengarang telah membentuk latar dan watak cerita yang telus (Istia’anh, 2018). Namun, ujaran langsung iaitu ujaran yang memperlihatkan kehadiran klausa pelapor dan tanda petik digunakan pengarang ketika ingin menyampaikan emosi watak dan juga menyatakan sifat watak. Seperti dinyatakan Hanif et al. (2023) ujaran sebegini memberikan maklumat perasaan yang dirasai watak pada ketika itu. Kecenderungan pengarang ini memperlihatkan klausa pelapor berperanan dalam pelanggaran maksim semasa perbualan watak untuk menyuntik kesan dramatik.

Seterusnya, perhatikan contoh (16);

- (16) “Tidak! Demi Allah jika I mati sekalipun, I bersumpah yang ini anak you!!!” Aleya menjerit sekuat hati.

Dalam contoh (16) ini, Nur Aleya menjawab desakan Syed Aizril secara tegas bahawa Syed Aizril ialah bapa kepada kandungannya walaupun telah dicerderakan oleh suaminya. Nur Aleya tetap mempertahankan jawapannya dan pengarang mengukuhkan ketegasan Nur Aleya melalui kehadiran tanda seru (!) dan juga kata kerja *menjerit* berserta keterangan *sekuat hati* dalam klausa pelapor. Penggunaan leksikal *menjerit* telah menunjukkan ketegangan pada ketika itu. Nur Aleya mematuhi maksim kualiti dan maksim cara apabila dengan jelas menyatakan kebenaran tanpa berselindung.

Dalam contoh (14), ujaran tersebut merupakan maklum balas Syed Aizril kepada ibunya yang mencelah semasa konflik tersebut. Berikut merupakan ujaran celahan Puan Sri Sharifah Aishah:

- (17) “Dahlah Zril. Karang mati dia, kau jugak yang susah. Biar ajelah dia pergi. Kau sendiri tahu perempuan ni memang busuk hati. Dia sanggup reka apa juga cerita untuk menghancurkan perkahwinan kau. Dia takkan biarkan kau bahagia. yang kau cepat sangat melatah ni kenapa?” Puan Sri Sharifah Aishah memarahi anaknya.

Puan Sri Sharifah Aishah masih tekal menuduh Nur Aleya dengan tuduhan yang palsu dan masih beranggapan kehadiran Nur Aleya adalah untuk menghancurkan kehidupan Syed Aizril walaupun telah menyaksikan menantunya yang mengandung dianaiya secara fizikal oleh anaknya. Puan Sri Sharifah Aishah melanggar maksim kuantiti, iaitu mengutarakan maklumat yang salah dan tidak tepat tentang Nur Aleya. Selain itu, celahan Puan Sri Aishah juga melanggar maksim perkaitan kerana komunikasi tersebut berlaku antara Nur Aleya dan Syed Aizril dan ujarannya tidak berhubung dengan konflik pada ketika itu.

Segmen terakhir dalam bab 15, iaitu segmen keempat memperlihatkan ujaran didominasi oleh dua watak iaitu Umairah, kawan baik Nur Aleya dan Ikram, kawan baik Syed Azril. Kedua-dua watak ini hadir ke rumah Syed Aizril setelah mendapat panggilan daripada bibik tentang kejadian pada ketika itu. Ujaran pertama dalam segmen keempat 4 dimulakan oleh Nur Umairah yang terkejut melihat keadaan Nur Aleya. Perhatikan contoh (18) dan (19) di bawah:

- (18) “Ya Allah ... apa yang telah berlaku ni! Leya ... Leya ... jangan tinggalkan aku,” raung Umairah bagaikan orang hilang akal melihat keadaan Aleya yang separuh nazak itu.
- (19) “You memang binatang! Jantan tak guna! Kalau jadi apa-apa kat Leya, I bunuh you!” jerit Umairah sekuat hati.

Ujaran (18) dan (19) diujarkan berurutan oleh Nur Umairah dalam situasi cemas itu, dan tidak mendapat jawapan atau sahutan balas daripada Syed Aizril untuk mempertahankan dirinya tentang tindakannya terhadap Nur Aleya. Dalam klausa pelapor, leksikal *raung* dan *jerit* terselit emosi berat yang dirasainya setelah melihat kawan baiknya dikasari secara fizikal serta juga secara

tidak langsung memaparkan perwatakannya yang konsisten digambarkan sebagai seorang sahabat yang mengambil berat oleh pengarang. Pengarang tekal menggunakan ujaran langsung untuk menunjukkan emosi watak dalam sesuatu segmen. Gaya ini dianggap mesra perasaan pembaca kerana pembaca dapat mengetahui dan turut sama merasai emosi watak. Ujaran (18) dan (19) Nur Umairah hanya disambut oleh Ikram iaitu seperti berikut;

(20) “Dasar jantan tak guna!” jerit Ikram pula.

Ujaran (20) dilontarkan oleh Ikram setelah melihat keadaan Nur Aleya dan mengulang kenyataan Nur Umairah tentang Syed Aizril bahawa Syed Aizril merupakan lelaki yang tidak bertindak waras seperti seorang suami dan manusia. Ujaran-ujaran Umairah dan Ikram dalam segmen ini dibina tidak bertujuan untuk mewujudkan soal-balas ataupun mengamalkan giliran tutur yang lazim. Hal ini disebabkan ujaran ini dibina pada segmen terakhir dalam bab dan merupakan penutup kepada konflik penceritaan ini. Kemudian, bab ini ditutupi oleh ujaran Nur Aleya yang menyatakan bahawa dirinya dan anak dalam kandungannya sakit seperti dalam ujaran (21);

(21) “Aku sakit Umi, anak aku sakit Umi. Kesian anak aku, “rintih Aleya.

Ujaran (21) diucapkan Nur Aleya telah menambah kesan emosi yang tinggi kepada pembaca apabila pengarang menggunakan klausa pelapor *rintih* yang mendukung makna suara seseorang yang mengerang kerana kesakitan dan kesedihan. Ujaran ini tidak disahut oleh mana-mana watak dalam plot ini dan pengarang menjadikan ini sebagai satu gaya untuk meneruskan elemen dramatik dan saspens serta menjadikan pembaca tertanya-tanya plot seterusnya. Segmen keempat dalam data kajian ini tidak mematuhi maksim perbualan yang sebenar tetapi lebih merupakan bentuk luahan watak terhadap peristiwa-peristiwa yang terjadi dalam plot tersebut.

KESIMPULAN

Hasil kajian ini mendapati pelanggaran maksim yang wujud dalam dialog watak konsisten berlaku dalam lakuan bahasa pertanyaan. Kajian lepas yang dilakukan oleh beberapa pengkaji seperti Noorhidayu et al. (2020), Nurfatimah Mohd Yunos & Nurul Jamilah Rosly (2021), Lei, W. (2022) membuktikan bahawa ujaran pertanyaan antara ujaran dimanfaatkan pengarang untuk melanggar maksim perbualan. Lakuan bahasa pertanyaan yang menidakkan jawapan yang tepat diberi serta jawapan yang tidak menepati kehendak soalan telah mewujudkan konflik dan memastikan kelangsungan plot klimaks dirasai oleh pembaca dengan kesan yang lebih tinggi. Analisis ini memperlihatkan pelanggaran maksim dalam perbualan watak bukan sahaja mencetuskan ketegangan malah kesan dramatik dirasai oleh pembaca. Kesan dramatik yang melahirkan emosi marah dan sedih kepada pembaca dikenal pasti juga berlaku dalam dialog watak yang ditandai oleh leksikal seperti *marah*, *jerit*, *pekik*, *tengking*, *raung* dan *rintih* dalam klausa pelapor. Ujaran yang mengeksploitasi maksim kualiti, kuantiti, maksim cara dan maksim perkaitan yang ditandai leksikal tersebut telah meningkatkan kesan emosi yang lebih tinggi kepada pembaca.

Kajian ini membuktikan bahawa pengarang teks ini mencuba untuk menjadikan komunikasi watak menyerupai perbualan sebenar yang memperlihatkan manusia berhubung antara satu sama lain untuk menyampaikan dan memperoleh maklumat melalui lawan tutur. Perselisihan

akan timbul dan juga interaksi akan gagal apabila maksim kerjasama tidak dipatuhi. Maksim kerjasama seperti yang digariskan oleh Grice membantu manusia mencapai matlamat komunikasi tanpa sebarang masalah dan halangan. Namun, kelaziman komunikasi harian manusia memperlihatkan maksim—maksim yang diutarakan Grice tidak terlaksana kerana tujuan manusia berhubung itu berbeza mengikut kehendak dan keperluan individu. Oleh itu, pengkaji berpendapat pengarang juga mempunyai strategi untuk memastikan plot-plot terbina mengikut norma interaksi harian manusia supaya kesan itu dirasakan oleh pembaca. Eksploitasi maksim bersama pemilihan leksikal-leksikal dalam ujaran dan juga klausa pelapor membantu pengarang membina kesan dramatik dalam novel ini.

Kesimpulannya, teks sastera dapat menjadi bahan bahasa yang sesuai untuk memahami gaya perbualan. Hal ini disebabkan pengarang dapat menggunakan pelbagai lakuan bahasa untuk menghasilkan fungsi dan kesan berbeza dalam teks. Penemuan dalam kajian ini dianggap sebagai gaya perbualan dalam teks kreatif bahasa Melayu, terutama melibatkan prosa moden popular lagi-lagi bahan yang telah diadaptasi kepada drama dan filem. Kajian lanjutan yang melibatkan data yang lebih besar seperti himpunan karya daripada pengarang yang sama atau data daripada pengarang berbeza wajar diperluas. Dengan cara ini, dapat dikemukakan gaya perbualan dalam teks kreatif bahasa Melayu yang lebih menyeluruh dan terperinci.

PENGHARGAAN

Penghargaan ini ditujukan kepada semua penulis artikel ini yang berusaha menulis artikel yang dapat memberi sumbangan kepada bidang kajian linguistik. Penghargaan juga dizahirkan kepada Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik atas sokongan menghasilkan kajian ini serta pihak Jurnal *Akademika* termasuk penilai artikel yang memberi peluang artikel ini diterbitkan.

RUJUKAN

- A. Samad Said. (1987). *Salina*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Alsallloom, F.A. (2022). The effectiveness of consciousness-raising approach in interpreting conversational implicature using audiovisual input. *Journal of Second Language Acquisition and Teaching*, 28, 55-95.
- Asmah Haji Omar. (2015). *Ensiklopedia bahasa melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Canli, M. (2021). Violation of grice's maxims and its effect on the conversational structure and plot development of Ishiguro's *Never Let Me Go*. *Eurasian Journal of English Language and Literature*, 3(2), 386-394
- Carter, R., Goddard, A., Reah, D., Sanger, K., Bowring, M., (1997). *Working with texts: A core book for language analysis*. London: Routledge
- Chen Z., Tian X. (2021). Analysis of stylistic feature under the violation of cooperative principles in the novel *The Reference*. *Journal of Advance in Vocational and Technical Education*, 3(2), 167-172. (<https://dx.doi.org/10.23977/avte.2021.030233>).
- Ciftlikli, S. & Demirel, O. (2022). The relationship between student's comprehension of conversational implicatures and their achievement in reading comprehension. *Frontiers in Psychology*, 13, 1-18

- Creswell, D. & Creswell, J.W. (2007). *Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approaches*. London: Sage Publications.
- Fransiska B., Ariyani F. Mustofa A. Agustina Sofia E. (2023). The conversational implicatures: A case study of the violations of cooperative principles in a novel “Negeri 5 Menara” by Ahmad Fuadi. *ASKARA: Jurnal Bahasa dan Sastra*, 24 (1), 210-219.
- Grice, P., (1975). Logic and Conversation. Dlm. Cole, P. & Morgan, J.L. (eds). *Syntax and Semantics III.: Speech Acts*. New York. Academic Press.
- Grice, P., (1991). *Studies in the Way of Words*. London: Cambridge University Press
- Hanif, N., Ajmal, M. & Masum, R. (2023). Unveiling Voices: A Stylistic Analysis of Speech and Thought Presentation in Khaled Hosseini’s A Thousand Splendid Suns. *Pakistan Journal of Humanities and Social Science*, 11(3), 3507-3519.
- Haugh. M., (2002). The intuitive basis of implicature: relevance theoretic implicitness versus Gricean implying. *Pragmatics*, 12(2), 117-134.
- Herman, T. (2002). Ethos and pragmatics. *Languages*, 7(3), 165.
- Istianah, A. (2018). Speech and Thought Presentation in Jhumpa Lahiri’s Interpreter of Maladies. *ELITE Journal*, 5 (2), 1-13.
- Jeffries L. & McIntyre D. (2010). *Stylistics*. New York: Cambridge University Press
- Kanasya, A.V. & Bram, B. (2022). Maxim violation in “Dilbert” comic strips. *ELS Journal on Interdisciplinary Studies in Humanities*, 5(3), 387-392.
- Leech, G.N & Short, M. (1981). *Style in Fiction*. London: Longman.
- Lei, W. 2022. A Study of Conversational Implicature in Lady Chatterley’s Lover from the Perspective of Cooperative Principle. *Academic Journal of Humanities and Social Sciences*, 5(5) – 83-90.
- Li, Y. (2017). An analysis of the conversational implicatures in Bishop’s Poetry. *International Journal of Languages, Literature and Linguistics*, 3(1).
- Megah, I.S., & Wahyuni, D.K. (2018). An analysis of the cooperative maxims in the “Omar” movie. *Cahaya Pendidikan*, 4(1), 70-78.
- Mohammad Fadzeli Jaafar. (2015). *Teori sistemik fungsional dalam Stilistik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohammad Fadzeli Jaafar. (2016). Gaya ujaran dalam teks kesusteraan melayu. *Jurnal Komunikasi*, 32(2), 341-361.
- Mohammad Fadzeli Jaafar. (2022). Gaya perbualan dalam teks kreatif bahasa melayu. *Jurnal Bahasa*, 7(2), 92-110
- Nojoomizandeh, N., (2022). Analysis of conversation in an iranian high school textbook: Grecian maxims in focus. *International Journal of Language and Translation Research*, 2(2), 21-42
- NorHidayu Hassan, Zaitul Azma Zainon Amzah, Nor Azuwan Yaakob & Fazilah Husin. (2020). Eksploitasi maksim grice lambang kehalusan berbahasa masyarakat melayu: analisis dalam filem dayang senandong. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 8 (2), 25-39. (<https://doi.org/10.17576-2020-0802-04>).
- Nur Fatihah Mohd Yunan & Nurul Jamilah Rosly. (2021). Pelanggaran maksim kerjasama dalam filem madu tiga: satu kajian pragmatik. *International Young Scholars Journal of Languages*, 4(1), 91-104.
- Putri, S.M.J & Simatupang, E.C.M. (2022). Conversational implicature on voice character dialogue in geshin impact, *Budapest International Research and Critics Institute Journal*, 5(3), 18852-18860.

- Qordawi, M. (2022). A study of conversational implicature in *The Old Man and The Sea* novel written by Ernest Hemingway. *Discovery Journal*, 1(1), 11-22.
- Rahayu Dwi N.K. (2022). Stylistic Features: Conversational Implicature of the poem *Jabberwocky* by Lewis Carroll. *Journal of Indonesian Language and Literature*, 1(2), 140-149. (<https://doi.org/10.25077/majis.2022.v4i1.79>).
- Rasheed, H.M. (2025). A Pragmatic Analysis of Dialogue Between Two Characters in *The Old Man The Sea* Based on The Cooperative Principle. *Pragmatik: Jurnal Rumpun dan Ilmu Bahasa dan Pendidikan*, 3(1): 164-180.
- Safian Hussain, Mohd Thani Ahmad, Zakaria Ariffin, Ahmad Kamal Abdullah & SuhaimiHaji Muhamad. (2022). *Glosari istilah kesusasteraan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Saputra, R. J. & Abida Nur. (2021). Stylistic analysis of the poem “An Old Man’s Winter Night” by Robert Forest. *ELS Journal on Interdisciplinary Studies in Humanities*, 4(4), 501-509.
- Sara Beden & Indirawati Zahid. (2017). Analisis Konteks Peristiwa Bahasa Melunas Rindu. Aplikasi Model Leech dan Grice. *Akademika: Journal of Southeast Asia Social Science and Humanities*, 87(1), 17-34. (<http://doi.org/10.17576/akad-2017-8701-02>)
- Short, M. (1996). *Exploring the language of poems, play and prose*. London: Longman
- Thomas, J. (1995). *Meaning in interaction: An introduction to pragmatics*. London: Routledge
- Verdonk, P. (2002). *Stylistics*. New York: Oxford
- Wales, K. (1989). *A dictionary of stylistics*. London: Longman
- Xu.G. (2022). An analysis of humor discourse in *Friends* from the perspective of the cooperative principle. *Open Journal of Modern Linguistics*, 12, 460-470. (<https://doi.org/10.4236/ojml.2022.124033>).
- Zhang, Y. (2024). Analysis of Conversational Implicature from The Perspective of Cooperative Principle in *Pride and Prejudice*. *Proceedings of the 2024 3rd International Conference on Social Sciences and Humanities and Arts (SSHA 2024)*, 409-419.

PENULIS:

Nurul Atiqah Nor Azman (Penulis Koresponden)
Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik,
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600, Bangi, Selangor, Malaysia
Emel: na.nurulatiqahazman@gmail.com

Mohammad Fadzeli Jaafar
Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik,
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600, Bangi, Selangor, Malaysia
Emel: fadzeli@ukm.edu.my

Sharifah Raihan Syed Jaafar
Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik,
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600, Bangi, Selangor, Malaysia
Emel: s_raihan@ukm.edu.my